

Ibadah Haji dan Hikmahnya¹

Amalannya dari Segi Falsafah

(2)

Dalam bahagian yang kedua ini (bahagian penutup), penulisnya, Dr. Muhammad Yusof Musa, guru Syariah Islam di Fakulti Undang-undang – Universiti Kaherah, menegaskan: “Bahawa amalan haji itu disuruh oleh akal sebelum diwahyukan oleh agama, dan bahawa tiap-tiap suatu pekerjaan dari amalan-amalan haji itu, dan tiap-tiap suatu *shi ‘ār* (lambang) dari syiar-syiarnya mempunyai hikmah dan falsafahnya.” Sesuatu agama yang benar – katanya lagi – tidak akan dapat berdiri terus-menerus jika tidak mengandungi amalan haji ini. Bahkan umat-umat yang bukan Islam pun, keluar juga mengerjakan haji ke tempat-tempat suci masing-masing, semenjak dahulukala hingga hari ini.

(Terjemahan Abdullah Basmeh)

Ibadah haji selain daripada amalan zahirnya yang sedia diketahui oleh kita, ia juga mempunyai hakikat batin yang wajib juga menembusnya, dan juga mempunyai beberapa hal yang mengenai jiwa, yang dapat dirasa akan kebahagiaannya dan kelazatannya oleh orang-orang haji.

Sungguh menarik hati dalam hal ini, apa yang dikatakan oleh al-Shiblī, *riḍwānu Allāhu ‘alayh* (seorang ahli tasawuf yang mahsyur) kepada seorang sahabatnya.

Menurut al-Shiblī, bahawa barangsiapa tampil mengerjakan haji setelah ia berniat dan mengikut akad ibadah itu, tetapi dalam pada itu ia tidak pula dapat merombak dengan akadnya itu akan segala ikatan akad yang menyalahinya, maka seolah-olah ia tidak mengikut akad haji

dan tidak berniat dengannya. Dan barangsiapa yang membuka pakaiannya lalu memakai (dua helai kain) ihram, (yang tidak berjahit) tetapi selain daripada itu ia tidak dapat melucutkan segala maksiatnya, maka ia seolah-olah tidak melucutkan pakaiannya (yang berjahit) itu. Dan barangsiapa mengucapkan *talbiyyah* (*labbayk*), dalam pada itu ia tidak terasa akan limpah kurnia Allah sebagai jawapan *talbiyyah*-nya itu, maka ia seolah-olah tidak mengucapkan *talbiyyah*. Dan barangsiapa baharu tiba di Tanah Suci Makkah tetapi pada saat itu ia tidak terasa akan sesuatu limpah kurnia Allah kepadanya maka ia seolah-olah tidak masuk ke negeri Makkah dan *barangsiapa berjabat atau (mengkucup) akan al-Ḥajar al-Aswad*, dan sesudah itu ia tidak merasa aman, maka ia seolah-olah tidak menjabat atau menyentuh batu

¹ Meskipun teks asal dieja sebagai ‘hikmatnya’, tetapi ‘hikmahnya’ lebih tepat daripada segi konteks ayat.


suci itu, kerana barangsiapa menjabat akan batu itu maka ia bermakna telah berjabat dengan Allah *subhānahu wa ta'ālā*, dan barangsiapa berjabat dengan Allah *'azza wa jalla*, menjadilah ia berada di dalam aman dan sejahtera. Barangsiapa pula melontar Jamrah, sedang ia serentak dengan itu tidak melontar kejahilannya dan tidak pula bertambah ilmu yang nyata kesannya pada dirinya, maka seolah-olah ia tidak melontar Jamrah (yang menjadi salah satu amalan ibadah haji itu). Dan barangsiapa pergi dari Makkah ke Madinah lalu berziarah ke makam Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, dan sesudah itu tidak tersingkap sesuatu hakikat kepadanya, dan tidak melihat tambahan limpah kurnia

kemuliaan pada dirinya, maka ia seolah-olah tidak pergi ziarah akan makam Nabī, kerana Junjungan kita *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* pernah bersabda:

“Al-Hujjāj wa al-'umār ziwāru Allāh, wa ḥaqqā 'alā al-mazūr an yukrama ziwārihi.”

Ertinya: “Orang-orang yang mengerjakan ibadah haji dan orang-orang yang mengerjakan umrah, ialah orang-orang yang menziarahi Allah. Oleh itu menjadi hak bagi (Allah) yang diziarahi itu, memuliakan orang-orang yang menziarahi-Nya.”

Demikianlah huraian al-Shiblī yang rapi dan indah, tentang ibadah haji dan amal-amal serta syiar-syiarinya, yang menjelaskan tentang rahsia dan falsafahnya.



Bayt Allāh, kiblat umat Islam sedunia, kelihatan hebat memikat jiwa dan menawan hati.

Memang benar dan pada tempatnya manakala kita bersetuju dengan pendapat al-Shiblī dan alim ulama yang sepertinya tentang hikmah-hikmah dan rahsia ibadah haji yang tersebut, iaitu pendapat yang berdasarkan falsafah yang tinggi. Ada setengah orang di antara kita yang mengorbankan banyak hartanya untuk bekalan dan belanja pelayaran ke Tanah Suci, dan menanggung berbagai-bagai kesukaran dan kepayahan. Semuanya itu dilakukan kerana hendak mendapat gelaran “Haji” semata-mata, untuk mendapat perkara-perkara yang menguntungkan di dunia. Setengahnya pula tinggal sepanjang-panjang musim haji di Tanah Suci yang penuh dengan suasana rohani yang tinggi, dalam pada itu ia tidak dapat merasa sesuatu faedah daripadanya, lalu kembali ke tanah airnya dengan hati yang lebih keras daripada sebelum ia pergi dahulu. Tetapi ada pula setengahnya yang telah mengetahui dengan sebenar-benarnya akan perkara besar yang hendak dilakukannya itu, dan mengetahui bahawa ia akan meninggalkan kaum keluarga dan tanah airnya, dan juga akan meninggalkan nafsu syahwat dan segala perkara yang serba lazat, kerana Allah semata-mata dan kerana hendak menziarahi *Bayt Allāh al-Ḥarām*. Dengan itu ia telah menghormati rumah suci itu, dan membesarkan Allah ‘azza wa jalla. Dengan perasaan yang suci murni itu, dia menjalankan ibadahnya dengan ikhlas kepada Allah ‘azza wa jalla, dan menjunjung perintah Allah dalam tiap-tiap langkah dan amal yang dilakukannya, serta berjuang pula dengan hawa nafsunya, sehinggalah ia kembali ke tanah airnya dan berjumpa dengan kaum keluarganya dalam keadaan lebih baik daripada sebelum ia pergi dahulu, sedang ibadah hajinya telah diterima oleh Allah Ta‘ālā dan diredai-Nya serta menjadikan dia berpuas hati dan berbahagia.

.... Memang sangat besar faedahnya seseorang

itu mengerjakan sembahyang, kerana ibadah sembahyang ini menjadi suatu riadah bagi badan dan roh; dan amatlah eloknya seseorang itu berpuasa (Ramadan yang wajib, dan lain-lain puasa sunat), kerana ibadah puasa itu melatih diri bersikap sabar, melembutkan jiwa dan berfaedah bagi tubuh; demikian juga amatlah baiknyanya bagi masyarakat kalau orang-orang dalam masyarakat itu menunaikan zakat meliputi segala jenisnya (zakat harta dan zakat fitrah), kerana dengan itu dapat mencabut perasaan hasad dengki, dan dapat menghapuskan rasa marah dan dendam dari orang-orang yang menderita terhadap orang-orang senang (yang diwajibkan membayar zakat), dan menjadi bantuan pula kepada fakir miskin untuk mengatasi kepahitan hidup, serta dapat pula menutup banyak dari rumah-rumah penjara dan membuka pertubuhan-pertubuhan kebajikan masyarakatnya yang bukan sedikit. Tetapi, kesemua jenis amal ibadah yang tersebut itu tidak akan dapat mengisi hajat umat Islam terhadap ibadah haji, yang dikerjakan di tempat yang satu dan tujuan yang satu, dan yang memberi kesempatan kepada seseorang itu dapat hidup dalam suatu masa yang tertentu, dalam keadaan menjauhkan diri dari kemewahan hidup dan perhiasannya yang melalaikan, dan dapat pula dia mengadap bulat-bulat kepada Allah ‘azza wa jalla, serta bersedia menerima limpah kurnia dan rahmat-Nya, asalkan pemergian kita ke Tanah Suci itu dilakukan dengan ikhlas kerana Allah.

Dari segala yang diuraikan itu, mengetahuilah kita bahawa pekerjaan haji itu disuruh oleh akal sebelum diwahyukan oleh agama, dan bahawa bagi tiap-tiap suatu pekerjaan dari amalan haji itu, dan tiap-tiap suatu *shi‘ār* (lambang – cogan) dari syiar-syiarnya mempunyai

hikmah dan falsafahnya. Dengan itu juga mengetahui kita bahawa sesuatu agama yang benar tidak akan dapat berdiri dan berjalan terus-menerus jika tidak mengandungi amalan haji ini. Bahkan umat-umat yang bukan Islam pun keluar mengerjakan haji ke tempat-tempat suci masing-masing, semenjak dahulukala hingga hari ini.

untuk menunaikan ibadah haji yang mulia ini – bukan sekali sahaja sebagaimana yang diwajibkan, bahkan beberapa kali. Dan dijadikan-Nya ibadah haji orang-orang kita yang telah berbahagia menunaikan haji dari umat Islam seluruhnya, termasuk dalam “ibadah haji yang *mabrūr*” (yang diterima oleh Allah ‘azza wa jalla), yang tidak ada balasannya selain daripada syurga, sebagaimana yang tersebut di dalam hadis

Mudah-mudahan Allah ‘azza wa jalla memberi taufik kepada kita

Junjungan kita Nabī Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*.



Johan-johan yang telah berjaya dalam Peraduan Syarahan Sekolah-sekolah Agama Singapura pada bulan yang lalu, yang diadakan di kawasan Madrasah al-Dīniyyah Kampung Wak Tanjung, Geylang. Dari kiri: Ahmad bin Muhammad Tob (yang ketiga bahagian tinggi) dari Madrasah al-Dīniyyah Kampung Wak Tanjung. Rafiah binti Maryadi (naib johan bahagian tinggi) dari Madrasah Bustān Islāmiyyah Kebun Ubi. Hitam binti Adnan (johan bahagian tinggi) Madrasah Kampung Sigelap. Jam ‘iyyah binti Sawi (johan sekolah-sekolah) Madrasah al-Ḥaqq al-Islāmiyyah West Coast Road, (Pasir Panjang). Ahmad bin Jantan (johan bahagian rendah) Taman Pengajian Kanak-Kanak Kampung Tiong. Rohani binti Murshid (naib johan bahagian rendah) dan Tumiah binti Osman (yang ketiga bahagian rendah) Ma‘ahad al-Dīn Beng Wah Road Serangoon.